

Laman Web Rasmi
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
 Agensi Di Bawah Kementerian Kewangan
 Bersama Membangun Negara

Laman Utama Profil Korporat ▾ Borang ▾ Perkhidmatan Elektronik ▾ Hubungi Kami ▾ Pautan ▾ Kerjaya Maklumbalas ▾

Perutusan KPE	Bajet	Soalan Lazim	Peta Laman
---------------	-------	--------------	------------

Peta Lokasi Hiperangkai

Tarikh Kemaskini : 23 Sept, 2011

INDIVIDU

Laman Utama » Pengiraan PCB



Menu

SYARIKAT

MAJIKAN

Info Majikan
 Kemaskini Maklumat Majikan
 Potongan Cukai Bulanan (PCB)
 Pengiraan PCB
 Pembayaran PCB
 Isu Berkaitan Pekerja
 Perisian CP39

UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN

EJEN CUKAI

LAIN-LAIN

SOROTAN

Pengunjung

Hari Ini : 7,826

12,553,787

Online: 61

51 : my
 1 : nl
 1 : no
 8 : us

Pengumuman

Gangguan Kepada Aplikasi Online

Laman Web Rasmi LHDNM dan semua aplikasi dalam talian akan mengalami gangguan pada **16 - 17 September 2011** kerana kerja-kerja penyelenggaraan.

Sebarang kesulitan amatlah dikesali.



Jadual Pengeluaran Am dan Pengembalian BNCP

Pendapat Anda

Berapa kerapkah anda melayari laman web LHDNM dalam tempoh seminggu?

- Kurang dari 5 kali
- 5 hingga 10 kali
- Lebih dari 10 kali

Pengiraan PCB tahun 2008 dan sebelumnya

i. **Formula Bonus (saraan tambahan) 2004**

Bagi saraan tambahan yang diterima pada tahun 2008 atau sebelumnya, pengiraan PCB hendaklah menggunakan [Formula Bonus 2004](#) dan [Jadual Potongan Cukai Bulanan](#) pada tahun berkenaan seperti berikut:

- A. Tentukan PCB ke atas saraan bersih bulanan (tidak termasuk saraan tambahan).
- B. Campur 1/12 daripada saraan tambahan bersih kepada jumlah saraan bersih bulan.
- C. Tentukan PCB ke atas jumlah [B].
- D. Tentukan PCB bagi saraan tambahan.
- E. Tentukan amuaan cukai yang perlu dipotong pada bulan saraan tambahan dibayar.

Saraan bersih adalah jumlah saraan ditolak caruman wajib pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau mana-mana tabung penceran yang diluluskan.

Senario 1: Saraan tambahan 2008 dibayar dalam tahun 2008.

Pekerja menerima bayaran bonus dan fiziran pengaruh **untuk 2008 dan dibayar dalam tahun 2008**, pengiraan PCB bagi Langkah (A) di dalam [Formula Bonus](#) hendaklah berdasarkan saraan **bulan semasa** bagi tahun berkenaan dengan menggunakan [Jadual PCB](#) yang terpakai bagi tahun itu.

- A. Gunakan [Jadual PCB \(PINNAAN 2004\)](#).
- B. Saraan **bulan semasa** 2008 diambil sebagai asas untuk pengiraan PCB bagi Langkah [A] [Formula Bonus](#).
- C. Bayaran PCB bagi bulan semasa dan saraan tambahan hendaklah dikemukakan dengan menggunakan borang yang sama.
- D. Hanya satu [Borang CP39](#) untuk PCB saraan tambahan.
- E. [Borang CP39](#) untuk PCB bulan semasa.

Senario 2: Saraan tambahan 2007 dibayar dalam tahun 2008.

Pekerja menerima bayaran bonus dan fiziran pengaruh **untuk 2007 dan dibayar dalam tahun 2008**, pengiraan PCB bagi Langkah (A) di dalam [Formula Bonus](#) hendaklah berdasarkan saraan bulan Disember bagi tahun berkenaan dengan menggunakan [Jadual PCB](#) yang terpakai bagi tahun itu.

- A. Gunakan [Jadual PCB \(PINNAAN 2004\)](#).
- B. Saraan **bulan Disember 2007** diambil sebagai asas untuk pengiraan PCB bagi Langkah [A] [Formula Bonus](#).
- C. Bayaran PCB bagi bulan semasa dan saraan tambahan hendaklah dikemukakan dengan menggunakan borang yang bersangan.
- D. [Borang CP39A](#) untuk PCB saraan tambahan.
- E. [Borang CP39](#) untuk PCB bulan semasa.

ii. **Cara pengiraan PCB**

Contoh 1 : Saraan tambahan 2008 dibayar dalam tahun 2008.

Pada tahun 2008, En. Ali bekerja di syarikat ABC Sdn Bhd. Beliau telah berkahwin dan mempunyai isteri yang bekerja. En Ali mempunyai 2 orang anak yang berumur bawah 18 tahun. Beliau menerima saraan bulanan RM3,600.00 (potongan KWSP : RM396.00). Pada Jun 2008, syarikat beliau telah memberi bonus sebanyak RM7,200.00 (potongan KWSP : RM792.00). Kira PCB Disember yang perlu dipotong daripada gaji En. Ali.

Pengiraan :

Kategori PCB mengikut jadual adalah : **KATEGORI 3 / KA2**

[A] Tentukan PCB ke atas saraan bersih bulanan (tidak termasuk saran tambahan)

Saraan bulanan RM3,600.00

Tolak : KWSP RM 396.00

Saraan bersih RM3,204.00

PCB atas saraan RM3,204 = RM48.00 [Rujuk [Jadual PCB \(PINNAAN 2004\)](#)].

[B] Campur 1/12 daripada saraan tambahan bersih kepada jumlah saraan bersih bulan

Nilai manfaat RM7,200.00

Tolak : KWSP* RM 104.00

Saraan tambahan bersih RM7,096.00

*Potongan KWSP dihadkan kepada RM500 sebulan.
[RM500 – RM396.00 = RM104.00].

(1/12 X RM7,096.00) + RM3,204.00 = **RM3,795.00**

[C] Tentukan PCB ke atas jumlah [B]

PCB atas RM3,795.00 = **RM102.00**

[D] Tentukan PCB bagi saraan tambahan

(RM102.00 – RM48.00) X 12 = **RM648.00**

[E] Amaun cukai yang perlu dipotong pada bulan saraan tambahan dibayar adalah, langkah [A] + [D]

RM48.00 + RM648.00 = **RM696.00**

PCB untuk Jun adalah RM696.00 dan perlu dibayar guna [Borang CP39](#) sahaja.

Contoh 2 : Saraan tambahan tahun 2007 dibayar dalam tahun 2008.

Rujuk kepada Contoh 1, pada Julai 2008, beliau menerima tunggakan gaji tahun 2007 sebanyak RM1,200 dan KWSP RM132.00. Kira PCB tunggakan gaji yang perlu dipotong daripada saraan En. Ali.

Kategori PCB : **KATEGORI 3/KA2**

[A] Tentukan PCB ke atas saraan bersih bulanan (tidak termasuk saran tambahan)

Saraan bulanan Disember 2007 RM3,600.00

Tolak : KWSP RM 396.00

Saraan bersih RM3,204.00

PCB atas saraan RM3,204 = RM48.00 [Rujuk [Jadual PCB \(PINDAAN 2004\)](#)].

[B] Campur 1/12 daripada saraan tambahan bersih kepada jumlah saraan bersih bulan

Nilai manfaat RM1,200.00

Tolak : KWSP* RM 104.00

Saraan tambahan bersih RM1,096.00

*Potongan KWSP dihadkan kepada RM500 sebulan.
[RM500 – RM396.00 = RM104.00].

(1/12 X RM1,096.00) + RM3,204.00 = **RM3,295.00**

[C] Tentukan PCB ke atas jumlah [B]

PCB atas RM3,295.00 = **RM50.00**

[D] Tentukan PCB bagi saraan tambahan

(RM50.00 – RM48.00) X 12 = **RM24.00**

[E] Jumlah potongan PCB untuk tunggakan gaji yang perlu dibayar

= RM24.00 (Guna [Borang CP39A](#))

Pengiraan PCB mulai tahun 2009 dan seterusnya

Saraan

Saraan ertiannya pendapatan berkenaan dengan perolehan atau keuntungan daripada sesuatu pekerjaan selain manfaat berupa barangang di bawah perenggan 13(1)(b) dan 13(1)(c) Akta dengan syarat bahawa dalam kes sesuatu pemilihan yang tidak boleh dibatalkan dibuat oleh pekerja di bawah kaedah 2A, perolehan atau keuntungan daripada sesuatu pekerjaan hendaklah termasuk manfaat berupa barangang di bawah perenggan 13(1)(b) dan 13(1)(c) Akta.

“Saraan biasa” ertiannya saraan bulanan tetap yang dibayar kepada pekerja sama ada amaun tetap ataupun berubah-ubah sebagaimana yang dinyatakan di dalam kontrak perkhidmatan secara bertulis ataupun tidak.

“Saraan tambahan” ertiannya apa-apa bayaran yang dibuat kepada pekerja sama ada secara sekaligus atau berkala atau tertunggak atau bayaran yang tidak tetap atau apa-apa bayaran yang merupakan tambahan kepada saraan biasa bulan semasa. Saran tambahan itu termasuk:

- i. bayaran kerja lebih masa
- ii. bonus/inseftif
- iii. tunggakan gaji atau apa-apa tunggakan lain yang dibayar kepada pekerja
- iv. skim opsyen saham pekerja (jika pekerja memilih potongan PCB)
- v. cukai yang ditanggung oleh majikan
- vi. ganjaran
- vii. pampasan untuk kehilangan pekerjaan
- viii. ex-gratia
- ix. fi pengarah (tidak dibayar secara bulanan)

- x. komisen
- xi. elaun (amaun berubah-ubah sama ada dibayar secara bulanan atau tidak)
- xii. apa-apa bayaran lain sebagai tambahan kepada saraan biasa bulan semas

Jenis Saraan Tertakluk kepada PCB

i. gaji	viii. fi pengarah
ii. upah	ix. perkuisit
iii. bayaran kerja lebih masa	x. skim opsyen saham pekerja (SOSP)
iv. komisen	xi. cukai yang ditanggung oleh majikan
v. tip	xii. ganjaran
vi. elaun	xiii. pampasan kerana kehilangan pekerjaan
vii. bonus/incentif	xiv. saraan lain berkaitan dengan penggajian

Nota: Mulai tahun taksiran 2009, fi pengarah atau bonus bagi sesuatu tahun yang diterima dalam mana-mana tahun semasa, saraan tersebut menjadi sebahagian daripada saraan dalam tahun semasa ia diterima.

Jenis Saraan Tidak Tertakluk kepada PCB

MBB dan NTK merupakan sebahagian daripada saraan yang tidak tertakluk kepada PCB. Namun demikian, pekerja boleh membuat pemilikan yang tidak boleh dibatalkan bagi memasukkan MBB dan NTK sebagai sebahagian daripada saraan yang tertakluk kepada PCB dengan mengisi borang yang ditetapkan dan mengemukakannya kepada majikan. Jika majikan bersetuju, MBB dan NTK adalah tertakluk kepada PCB.

1. Manfaat Berupa Barang (MBB)

MBB adalah manfaat berupa barang yang tidak boleh ditukarkan kepada wang. Manfaat ini dianggap sebagai pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(b) Akta.

2. Nilai Tempat Kediaman (NTK)

NTK merupakan tempat kediaman yang disediakan oleh majikan kepada pekerjanya. Nilai manfaat ini dianggap sebagai pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(c) Akta.

Potongan Rebат Zakat

i. Jadual PCB

Sekiranya terdapat pekerja yang membuat bayaran zakat melalui potongan gaji kepada pihak berkuasa agama Islam, majikan boleh membuat penyesuaian kepada PCB yang harus dipotong setelah melihat bukti tentang bayaran zakat tersebut.

Contoh 1 : PCB bagi Januari 2010

	RM
PCB dikenakan mengikut jadual	105.00
Zakat yang dibayar	55.00
PCB perlu dipotong dan diremit	50.00 (105.00 – 55.00)

Contoh 2 : PCB bagi Februari 2010

	RM
PCB dikenakan mengikut jadual	110.00
Zakat yang dibayar	140.00
PCB perlu dipotong dan diremit	Tiada (110.00 - 140.00)

Lebihan zakat RM30.00 di atas boleh dibawa ke hadapan untuk ditolak daripada PCB bagi bulan berikutnya. Walaubagaimanapun, sila ambil perhatian bahawa pelarasan sedemikian hanya boleh dibuat dalam tahun yang sama sahaja. Ini bermaksud, zakat yang dibayar dalam tahun 2010 hanya boleh ditolak dengan PCB yang patut dipotong dalam tahun 2010 sahaja.

Jika seorang pekerja membuat bayaran apa-apa zakat selain daripada potongan zakat bulanan daripada saraan, pekerja hanya boleh membuat pelarasan PCB dengan menggunakan Kaedah Pengiraan Berkompputer dengan menghantar [Borang TP1](#) kepada majikan tertakluk kepada persetujuan majikan.

ii. Kaedah Pengiraan Berkompputer

Sekiranya seseorang pekerja yang membuat bayaran zakat melalui potongan gaji kepada pihak berkuasa agama Islam, majikan yang menggunakan Kaedah Pengiraan

Berkomputer hanya perlu input amaun tersebut dalam sistem untuk mendapatkan PCB yang perlu dibayar secara automatik.

Walau bagaimanapun, jika seorang pekerja membuat bayaran apa-apa zakat selain daripada potongan zakat bulanan daripada saraan, pekerja boleh membuat pelarasan PCB dengan menghantar [Barang TP1](#) kepada majikan tertakluk kepada persetujuan majikan.

1. **Formula Pengiraan PCB untuk bayaran Saraan Tambahan mulai tahun 2009.**

Terdapat dua kaedah pengiraan formula saraan tambahan iaitu:

i. **Pengiraan saraan tambahan menggunakan Jadual**

Majikan yang memproses/ membayar gaji secara manual/tidak menggunakan perisian pembayaran gaji berkomputer boleh merujuk kepada formula seperti dalam [Nota penerangan PCB](#) atau di bawah untuk pengiraan PCB saraan tambahan. Walau bagaimanapun, majikan adalah digalakkan untuk menggunakan [Kalkulator PCB](#) atau [e-PCB](#) yang dibangunkan oleh LHDNM.

Langkah 1 - Tentukan PCB ke atas saraan biasa bersih setahun (tidak termasuk saraan tambahan bulan semasa) dan PCB saraan tambahan yang telah dibayar.

[A] Tentukan kategori pekerja.

[B] Tentukan saraan biasa bersih = Saraan biasa kasar tolak (-) KWSP atau Kumpulan Wang Lain Yang Diluluskan (terhad kepada RM500.00 sebulan atau RM6,000 setahun).

[C] Tentukan PCB bulan semasa bagi saraan biasa bersih dalam Langkah 1 [B].

PCB bulan semasa = RMXXX (rujuk Jadual **Potongan Cukai Bulanan**)

PCB bersih = PCB bulan semasa – zakat dan fi/levi bulan semasa.

[D] Jumlah PCB setahun = PCB terkumpul yang telah dibayar + [PCB bulan semasa pada Langkah [C] x baki bulan dalam setahun termasuk bulan semasa] = X + [PCB bulan semasa pada Langkah [C] x (n + 1)]

Langkah 2 - Tentukan pendapatan bercukai setahun [P] (termasuk saraan tambahan bulan semasa) dan PCB untuk saraan tambahan yang telah dibayar.

[A] Tentukan kategori pekerja.

[B] Tentukan pendapatan bercukai setahun [P];

$$P = [(Y - K) \times 12] + [\sum(Yt1 - Kt1)] + (Yt - Kt) - (D + S + 1000C)$$

Langkah 3 – Tentukan jumlah cukai setahun berdasarkan kepada nilai P dalam Langkah 2 [B]. Nilai M, R dan B adalah berdasarkan kepada nilai seperti di Jadual 1.

Jumlah cukai setahun = (P – M) x R + B

Jadual 1					
P (RM)	M (RM)	R (%)	B Kategori 1 & 3 (RM)	B Kategori 2 (RM)	
2,500 – 5,000	2,500	1	– 400	– 800	
5,001 – 20,000	5,000	3	– 375	– 775	
20,001 – 35,000	20,000	7	75	– 325	
35,001 – 50,000	35,000	12	1,525	1,525	
50,001 – 70,000	50,000	19	3,325	3,325	
70,001 – 100,000	70,000	24	7,125	7,125	
Melebihi 100,000	100,000	26	14,325	14,325	

Langkah 4 - Tentukan PCB bagi saraan tambahan semasa iaitu jumlah cukai (Langkah 3) ditolak dengan jumlah PCB setahun (Langkah 1[D]) dan zakat yang telah dibayar.

PCB saraan tambahan = Langkah 3 – [Langkah 1[D] + zakat yang telah dibayar]

Langkah 5 - PCB bulan semasa yang perlu dibayar.

= PCB bersih + PCB saraan tambahan bulan semasa

= Langkah 1[C] + Langkah 4

ii. **Pengiraan saraan tambahan PCB menggunakan Kaedah Pengiraan Berkomputer**

Kaedah Pengiraan Berkomputer adalah terpakai dalam mana-mana keadaan berikut:

- Majikan yang menggunakan sistem pembayaran gaji berkomputer yang disediakan oleh pembekal perisian atau dibangun/diubahsuai oleh majikan mengikut spesifikasi yang ditentukan dan disemak oleh LHDNM.
- Majikan yang menggunakan sistem/aplikasi yang dibangunkan oleh LHDNM yang boleh diperolehi di laman web LHDNM – Kalkulator PCB dan e-PCB.

Sekiranya majikan menggunakan sistem yang disediakan seperti di atas, majikan hanya perlu masukkan maklumat yang berkaitan ke dalam sistem untuk mendapatkan hasil pengiraan PCB.

Formula saraan tambahan yang digunakan untuk Kaedah Pengiraan Berkomputer adalah seperti berikut;

Langkah 1 - Tentukan PCB ke atas saraan bersih setahun (tidak termasuk saraan tambahan bulan semasa).

[A] Tentukan kategori pekerja.

[B] Tentukan pendapatan bercukai setahun [P];

$$P = [\Sigma(Y - K^*) + (Y_1 - K_1^*) + [(Y_2 - K_2^*) \times n] + (Y_t - K_t^*)] - [D+S+1000C + (\Sigma LP + LP_1)]$$

iaitu $(Y_t - K_t) = 0$

[C] Tentukan PCB bulanan bagi saraan biasa bersih. Setelah nilai P pada langkah [B] ditentukan, nilai M, R dan B ditentukan berdasarkan Jadual 1 di atas.

$$\text{PCB bulan semasa} = \frac{[(P - M) \times R + B] - (Z + X)}{n + 1}$$

$$\text{PCB bersih} = \text{PCB bulan semasa} - \text{zakat dan fi/levi bulan semasa}$$

[D] Tentukan jumlah PCB setahun

$$\text{Jumlah PCB setahun} = \text{Jumlah PCB terkumpul yang telah dibayar} + [\text{PCB bulan semasa pada Langkah [C]} \times \text{baki bulan dalam setahun termasuk bulan semasa}]$$

$$= X + [(\text{PCB bulan semasa pada Langkah [C]}) \times (n + 1)]$$

Langkah 2 - Tentukan pendapatan bercukai setahun [P] (termasuk saraan tambahan bulan semasa) dan saraan tambahan yang telah dibayar.

[A] Tentukan kategori pekerja.

[B] Tentukan pendapatan bercukai setahun [P];

$$P = [\Sigma(Y - K^*) + (Y_1 - K_1^*) + [(Y_2 - K_2^*) \times n] + (Y_t - K_t^*)] - [D+S+1000C + (\Sigma LP + LP_1)]$$

Langkah 3 - Tentukan jumlah cukai setahun berdasarkan nilai P pada Langkah 2 [B]. Nilai M, R dan B adalah berdasarkan kepada nilai seperti di Jadual 1 di atas.

$$\text{Jumlah cukai setahun} = (P - M) \times R + B$$

Langkah 4 - Tentukan PCB untuk bulan semasa bagi saraan tambahan iaitu jumlah cukai setahun (Langkah 3) ditolak dengan jumlah PCB setahun (Langkah 1[D]), zakat dan fi/levi yang telah dibayar.

$$\text{PCB saraan tambahan} = \text{Langkah 3} - [\text{Langkah 1[D]} + \text{zakat dan fi/levi yang telah dibayar}]$$

Langkah 5 – PCB bulan semasa yang perlu dibayar.

$$= \text{PCB bersih} + \text{PCB saraan tambahan bulan semasa}$$

$$= \text{Langkah 1[C]} + \text{Langkah 4}$$

2. Senario bayaran bonus dan yuran pengarah dan cara pengiraan PCB untuk Tahun 2009 dan seterusnya:

Mulai Tahun Taksiran 2009, **pendapatan bonus** dan **fi/yuran pengarah** menjadi sebahagian daripada pendapatan kasar dalam tahun asas ia diterima dan ditaksir dalam tahun asas ia diterima. Bayaran PCB untuk saraan tambahan bonus, yuran pengarah dan saraan bulan semasa hendaklah disatukan dan tidak perlu diasingkan. Gunakan [Borang CP39](#) untuk membuat bayaran.

Walau bagaimanapun, jika saraan tambahan untuk tunggakan selain bonus dan fi/yuran pengarah yang dibayar dalam tahun semasa adalah untuk tahun sebelum, pengiraan PCB bagi tunggakan tersebut dikehendaki berdasarkan pengiraan bagi tahun berkenaan dengan menggunakan formula bagi tahun itu.

Senario 1:

Bayaran saraan tambahan tunggakan komisen 2008 dibayar dalam tahun 2009.

- a. Gunakan [Jadual PCB \(PINDAAN 2004\)](#).
- b. Saraan **bulan Disember 2008** diambil sebagai asas untuk pengiraan PCB bagi Langkah [A] Formula Bonus.
- c. Bayaran PCB bagi bulan semasa dan saraan tambahan hendaklah dikemukakan dengan menggunakan borang yang berasingan.
- d. [Borang CP39A](#) untuk PCB saraan tambahan.
- e. [Borang CP39](#) untuk PCB bulan semasa.

Senario 2:

Bayaran saraan tambahan tunggakan komisen 2009 dibayar dalam tahun 2010.

- a. Gunakan **formula kaedah pengiraan berkompuper PCB 2009/Kalkulator PCB**.
- b. Pilih Pengiraan PCB tahun 2009.
- c. Pilih pernah bekerja sebelum ini dalam tahun semasa.
- d. Klik bulan Disember untuk pengiraan ([Kalkulator PCB](#)).
- e. Jumlah Saraan, KWSP, Potongan, Zakat/FI dan PCB yang telah dibayar dari bulan Januari sehingga Disember 2009 dimasukkan sebagai saraan/PCB/rebat/potongan terkumpul bulan sebelum dalam tahun semasa (termasuk di majikan lama).
- f. Saraan biasa bulan semasa dibiar kosong dan masukkan jumlah tunggakan komisen sebagai saraan tambahan termasuk KWSP untuk tunggakan komisen tersebut (jika ada), Klik Kira.
- g. Bayaran PCB untuk saraan tambahan tunggakan komisen hendaklah dikemukakan dengan menggunakan [Borang CP39A](#)

3. Contoh Pengiraan

En. Abu mendapat tunggakan gaji untuk tahun 2008 sebanyak RM1,200 (potongan KWSP : RM132.00). Gaji En. Abu pada Disember 2008 adalah RM3,600 (potongan KWSP : RM396.00). Saraan bulanan Januari 2010 adalah RM3,700.00 (potongan KWSP : RM407.00). Pada bulan Januari juga, syarikat beliau telah memberi bonus sebanyak RM3,700.00 (potongan KWSP : RM407.00). Kira PCB Januari yang perlu dibayar oleh En. Abu.

i. PCB untuk tunggakan gaji tahun 2008 (RM1,200)

Pengiraan :

Kategori PCB mengikut jadual adalah : **KATEGORI 3/KA2**

[A] Tentukan PCB ke atas saraan bersih bulanan (tidak termasuk saran tambahan)

Saraan bulanan	RM3,600.00
----------------	------------

Tolak : KWSP	RM 396.00
--------------	-----------

Saraan bersih	RM3,204.00
---------------	------------

PCB atas saraan RM3,204 = RM48.00 [\[Rujuk Jadual PCB \(PINDAAN 2004\)\]](#).

[B] Campur 1/12 daripada saraan tambahan bersih kepada jumlah saraan bersih bulan

Nilai manfaat	RM1,200.00
---------------	------------

Tolak : KWSP*	RM 104.00
---------------	-----------

Saraan tambahan bersih	RM1,096.00
------------------------	------------

*Potongan KWSP dihadkan kepada RM500 sebulan.
[RM500 – RM396.00 = RM104.00].

(1/12 X RM1,096.00) + RM3,204.00 = **RM3,295.00**

[C] Tentukan PCB ke atas jumlah [B]

PCB atas RM3,295.00 = **RM50.00**

[D] Tentukan PCB bagi saraan tambahan

(RM50.00 – RM48.00) X 12 = **RM24.00**

[E] Amaun cukai yang perlu dipotong bagi saraan tambahan tunggakan gaji pada bulan saraan tambahan dibayar adalah, = RM24.00 (Guna [Borang CP 39A](#))

ii. PCB untuk bayaran bonus pada tahun 2010. [Sek 25(A), ACP 1967, Akta 693]

Sila klik di [sini](#) untuk melihat contoh pengiraan dalam Kalkulator PCB.

*PCB untuk bulan Januari RM 286.55 perlu dibayar menggunakan format [Borang CP39](#).

PCB untuk Bayaran Ganjaran

Ganjaran bagi kes seperti yang berikut adalah dikecualikan daripada cukai sepenuhnya dan tidak tertakluk kepada pengiraan PCB.

1. Ganjaran persaraan

Jumlah yang diterima dengan cara ganjaran atas persaraan daripada suatu penggajian-

- i. jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa persaraan disebabkan oleh keuzuran;
- ii. jika persaraan berlaku pada atau selepas mencapai umur 55 tahun, atau pada mencapai umur wajib bersara daripada penggajian yang dinyatakan di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan dalam salah satu kes daripada suatu penggajian yang berlanjut selama sepuluh (10) tahun dengan majikan atau kumpulan syarikat yang sama; atau
- iii. jika persaraan berlaku apabila mencapai umur wajib bersara mengikut suatu kontrak penggajian atau perjanjian bersama pada umur 50 tahun tetapi sebelum 55 tahun dan penggajian itu telah berlanjut selama sepuluh (10) tahun dengan majikan atau kumpulan syarikat yang sama.

2. Jumlah wang yang diterima dengan cara ganjaran atau dengan cara bayaran sebagai ganti cuti yang dibayar daripada kumpulan wang awam atas persaraan dari suatu penggajian di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

3. Jumlah wang yang diterima dengan cara ganjaran yang dibayar daripada kumpulan wang awam atas penamatkan suatu kontrak penggajian (tolak caruman oleh majikan kepada KWSP, jika ada, dan faedah ke atasnya).

4. Jumlah wang yang diterima dengan cara ganjaran kematian atau sebagai pampasan disatukan bagi kematian atau kecederaan.

Jika pekerja tidak layak mendapat apa-apa pengecualian ganjaran seperti di atas, PCB atas semua ganjaran tersebut perlu dikira dengan menggunakan Formula Saran Tambahan.

Contoh :

- i. Pekerja mula penggajian pada : 1 Januari 2002
- ii. Pekerja bersara dan menerima ganjaran pada : 29 Oktober 2010
- iii. Jumlah ganjaran dibayar apabila bersara pada umur 53 tahun : RM35,000.00

Tentukan tempoh penggajian:

Tempoh penggajian: 1 Januari 2002 – 31 Oktober 2010 (9 tahun 10 bulan).
Oleh itu, ganjaran adalah boleh dikenakan cukai disebabkan tempoh penggajian kurang daripada sepuluh (10) tahun.

Jumlah ganjaran diterima yang berjumlah RM35,000.00 adalah tertakluk kepada PCB dan PCB tersebut hendaklah dikira menggunakan Formula Saran Tambahan.

Pampasan untuk Kehilangan Penggajian

Pampasan adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan dalam hal keadaan yang berikut:

- i. Jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa bayaran yang dibuat atas alasan kehilangan pekerjaan disebabkan oleh keuzuran; atau
- ii. Dalam hal suatu bayaran dibuat berhubungan dengan suatu tempoh penggajian dengan majikan yang sama atau dengan syarikat dalam kumpulan yang sama, berkenaan dengan sekian banyak bayaran yang tidak melebihi suatu jumlah yang ditentukan dengan mendarabkan jumlah RM10,000.00 dengan bilangan tahun genap bekerja dengan majikan atau syarikat tersebut.

Pampasan bagi maksud perenggan ini termasuklah pemberhentian di bawah Skim Pemisahan Sukarela (VSS) atau Skim Pemisahan Persetujuan Bersama.

Baki pampasan setelah ditolak dengan pengecualian yang layak adalah tertakluk kepada PCB dan pengiraan PCB tersebut hendaklah menggunakan Formula Saran Tambahan.

Contoh :

- i. Pekerja mula penggajian pada 1 Mei 2004
- ii. Pekerja diberhentikan pada 25 Mac 2010
- iii. Jumlah bayaran pampasan RM75,000.00

Penentuan amaun pampasan yang tertakluk kepada cukai.

[A] Tentukan bilangan tahun genap perkhidmatan.

1/5/2004 - 30/4/2005: satu tahun genap perkhidmatan.
1/5/2005 - 30/4/2006: satu tahun genap perkhidmatan.
1/5/2006 - 30/4/2007: satu tahun genap perkhidmatan.
1/5/2007 - 30/4/2008: satu tahun genap perkhidmatan.
1/5/2008 - 30/4/2009: satu tahun genap perkhidmatan.
1/5/2009 - 25/3/2010: kurang dari satu tahun genap perkhidmatan.

Pekerja telah berkhidmat untuk 5 tahun genap perkhidmatan.

[B] Pengecualian cukai ke atas pampasan hendaklah:

RM10,000.00 x 5 tahun genap perkhidmatan = RM50,000.00

Bayaran pampasan RM75,000.00

Tolak: Amaun yang dikecualikan RM50,000.00

Baki pampasan yang tertakluk PCB RM25,000.00

Baki pampasan berjumlah RM25,000.00 setelah ditolak dengan pengecualian yang layak adalah tertakluk kepada PCB dan pengiraan PCB tersebut hendaklah menggunakan Formula Saran Tambahan.

PCB untuk Skim Opsyen Saham Pekerja (SOSP)

Amaun manfaat saham dikira seperti yang berikut:

Nilai pasaran saham pada tarikh opsyen boleh dilaksana	xx
atau	
Nilai pasaran pada tarikh opsyen dilaksanakan (Yang mana lebih rendah)	xx
Tolak :	
Harga yang dibayar untuk saham (jika terpakai)	xx
Perkusit di bawah perenggan 13(1)(a) Akta	xx

Contoh :

Tarikh opsyen ditawarkan : 1 Disember 2007
Tarikh opsyen boleh dilaksana : 1 Mac 2008 - 28 Februari 2018
Tarikh opsyen dilaksanakan : 2 Mei 2010

Nilai pasaran sesaham pada tarikh opsyen
boleh dilaksana (1 Mac 2008) : RM3.80
Nilai pasaran sesaham pada tarikh opsyen dilaksanakan (2 Mei 2010) : RM4.00

Tolak:

Harga sesaham yang ditawarkan pada

1 Disember 2007 : RM1.50
Oleh itu, nilai perkusit : RM2.30 (RM3.80 – RM1.50)

Jika pekerja ditawarkan dan melaksanakan 10,000 unit saham dalam tahun 2010, nilai perkusit ialah:

10,000 unit saham x RM2.30 = RM23,000.00

Jika opsyen saham yang dilaksanakan oleh pekerja diterima dalam bentuk wang tunai dan bukan saham, cukai akan dikenakan apabila opsyen tersebut dilaksanakan.

Majikan mesti memastikan supaya PCB bagi perkusiit di atas dikira berdasarkan kepada Formula Saran Tambahan dalam bulan perkusiit itu diterima.

PCB untuk Bayaran Komisen

Pengiraan PCB untuk semua bentuk penerimaan komisen mesti ditentukan menggunakan formula PCB saraan tambahan, tidak kira penerimaan komisen sama ada secara tetap/diterima setiap bulan (nilai komisen tidak semestinya sama pada setiap bulan).

PCB untuk Pekerja Yang Bertugas di Cawangan Syarikat di Luar Negara

Pekerja yang dihantar oleh syarikat Malaysia untuk bekerja di luar negara akan tertakluk kepada cukai di Malaysia sekiranya :

- Dia berada di satu-satu Negara untuk tempoh kurang dari 183 hari dalam tahun kalender; dan
- Menjalankan kerja di Negara terbabit bagi pihak syarikat di Malaysia; dan
- Saraan dibayar oleh syarikat Malaysia yang tiada penubuhan tetap di Negara terbabit.

Sekiranya pekerja terbabit memenuhi ketiga-tiga syarat di atas, maka saraan masih tertakluk kepada cukai di Malaysia. Majikan perlu membuat Potongan Cukai Bulanan setiap bulan untuk pekerja terbabit.

Semakan [Perjanjian Pengelakkan Cukai Dua Kali](#) juga boleh dibuat bagi menentukan samada pekerja adalah tertakluk kepada cukai di Malaysia ataupun tidak. Jika tidak tertakluk kepada cukai di Malaysia, tiada potongan PCB perlu dibuat oleh majikan.

Pengiraan PCB bagi Saraan Yuran Pengarah dan Bonus

Mulai tahun taksiran 2009, selaras dengan penambahan Seksyen 25(A), ACP 1967, yuran pengarah atau bonus bagi sesuatu tahun yang diterima dalam mana-mana tahun semasa, saraan tersebut akan menjadi sebahagian daripada saraan dalam tahun semasa ia diterima.

URUSAN PERCUKAIAN

Info Majikan | Kemaskini Maklumat Majikan | Memohon Pengecualian Menghantar Borang | Penutupan Fail Secara Kekal | Memohon Pemindahan Fail | Menyemak Butiran Majikan | Potongan Cukai Bulanan (PCB) | Pengiraan PCB | Pembayaran PCB | Isu Berkaitan Pekerja

 Atas(Top)

 Kemaskini Pada(Updated) : 21 Jun, 2011

Dilawati / Hit(s) : 70,483



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Keselamatan Online](#) | [Webmaster](#)

PENAFIAN: Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang dialami kerana menggunakan maklumat dalam laman ini. Terjemahan ke bahasa ketiga merupakan terjemahan terus dari laman web LHDNM versi Bahasa Melayu. Ia bertujuan memberi kemudahan kepada pengguna bahasa lain menggunakan laman web ini. Paparan terbaik menggunakan pelayar Internet Explorer 8.0 atau Mozilla Firefox dengan resolusi skrin 1280x800. Hak Cipta Terpelihara 2009 © LHDNM

LHDNM - Penerima Anugerah Inovasi Perdana Menteri 2009